

8.4.2021_Berita Harian_IR4.0_Aplikasi Mysejahtera mampu diperluas

Aplikasi MySejahtera mampu diperluas

Kuala Lumpur: Aplikasi MySejahtera mampu diperluaskan penggunaannya kepada sektor e-dagang, pendidikan, dan perkhidmatan penghantaran, selain berfungsi sebagai pusat sehenti atau 'Super App'.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdulrahman, berkata, jika penggunaannya diperluaskan, aplikasi yang kini digunakan hampir 25 juta rakyat Malaysia itu akan dapat menyediakan pelbagai perkhidmatan di bawah satu platform.

"Dengan ini, kami di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) akan meruskan usaha membangunkan bukan saja infrastruktur telekomunikasi tetapi melipatgandakan penggunaan teknologi digital bagi merealisasikan aspirasi MyDigital untuk manfaat semua lapisan masyarakat ke arah Revolusi Industri 4.0 dan kemakmuran bersama," katanya dalam kenyataan sempena Hari Kesihatan Sedunia, semalam.